

Rashid Maidin meninggal dunia

UM - 2/9/2006

BANGKOK 1 Sept. - Bekas pemimpin kanan Parti Komunis Malaya (PKM) yang dibubarkan, Rashid Maidin (**gambar**) meninggal dunia pada usia 88 tahun di Sesa-khoon, sebuah perkampungan di Narathiwat, Selatan Thai hari ini sehari selepas Malaysia menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-49.

Menurut jurucakap tentera Thai, allahyarham menghembuskan nafas terakhir pada kira-kira pukul 9 pagi kerana sakit tua di rumah anak bongsunya, Kamariah, dan dikebumikan di situ selepas solat Jumaat.

Rashid menyertai PKM pada tahun 1951 dan sebelum itu menjadi anggota jawatankuasa pusat Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) bersama beberapa orang nasionalis Melayu seperti Ishak Haji Mohamad (Pak Sako), Ahmad Boestamam dan Abdullah C.D di Perak.

Rashid diberi kepercayaan oleh setiausaha dan pemimpin utama PKM, Chin Peng untuk memimpin Regimen ke-10 PKM di Bentong, Pahang.

Rashid yang dilahirkan pada 10 Oktober 1917 di Kampung Gunung Mesah, Gopeng, Perak, melarikan diri ke dalam hutan berhampiran sempadan Malaysia/ Thailand selepas diburu pihak berkuasa Malaysia.

Di situ, Rashid, yang sebelum itu telah berkahwin dan mempunyai seorang isteri di Gopeng, berkahwin dengan seorang gadis, ahli PKM bernama Latifah.

Beliau mula dikenali selepas muncul semasa Perundingan Damai di Baling, Kedah pada tahun 1955 di antara perwakilan kerajaan Malaya yang diketuai Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj dengan PKM yang dike-



tuai Chin Peng.

Rashid juga merupakan anggota dalam delegasi PKM ke British Empire Communist Parties Conference 1947 di London.

Pada 1989, beliau turut serta semasa rundingan damai di Hatyai antara PKM dengan kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand yang membawa kepada penamatan perjuangan bersenjata PKM.

Selepas perjanjian dengan kerajaan Malaysia di Hatyai itu, Rashid menetap di perkampungan yang dinamakan "Perkampungan Malaysia" di sempadan Thai.

Memoir Rashid Maidin "Daripada Perjuangan Bersenjata Kepada Perdamaian" yang merupakan koleksi peribadi beliau, menunjukkan Rashid fasih tiga bahasa.

Sementara itu, Kamariah, 40, ketika menghubungi Bernama berkata, bapanya menghidap sakit tua sejak enam bulan lalu dan pernah menerima rawatan di Hospital Narathiwat.

Allahyarham meninggalkan lima anak melalui dua perkahwinannya iaitu Johan Ariff, 69, Khairuddin, 58, Sudirman, 57, Rokiah, 50 dan Kamariah, 40, selain 50 cucu dan 20 cicit.

Selepas peletakan senjata, beliau dikatakan pulang ke Malaysia menziarahi keluarganya sebanyak 12 kali.

Allahyarham sebelum ini menetap di Chulaporn 11, Yaha dalam wilayah Yala bersama isterinya, allahyarham Salamah Abdullah yang meninggal dunia tahun lalu. Beliau berpindah ke Sesa-khoon tahun ini.

Allahyarham Rashid pernah dipenjarakan di Penjara Taiping, Pulau Jerak, dan pusat tahanan Tanjung Beruas, di Melaka keseluruhan tempoh lebih tiga tahun.